

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 07/10/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / UtusanBiz (3)

Kerjasama Etika, Angkasa dorong industri tenusu tempatan

Oleh NABILA YASMIN RAZIB
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin yakin pelaburan RM100 juta yang dibuat Etika Group of Companies (Etika) menaik taraf kilang tenusunya di Meru, Klang memberi dorongan baharu kepada pertumbuhan industri tenusu tempatan.

Beliau yang menyambut baik inisiatif dilakukan Etika bagi menambah pengeluaran produknya di pasaran tempatan berkata, usaha itu sekali gus akan meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan susu dan menyokong pengeluaran produk tenusu tempatan.

Katanya, pada masa ini, sektor pengeluaran tenusu Malaysia adalah penyumbang kecil dengan

pengeluaran susu cair tempatan meliputi hanya lima peratus daripada keperluan domestik.

"Susu mengandungi nutrisi yang penting bagi pertumbuhan kanak-kanak yang membolehkan mereka mengambil bahagian dalam sukan di peringkat sekolah malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Dengan dua varian baharu yang diperkenalkan Goodday Milk ini, ia memberikan lebih banyak pilihan untuk dipilih oleh pengguna," katanya pada majlis perasmian kilang baharu Goodday Milk di Klang, kelmarin.

Baru-baru ini Etika turut memperkenalkan dua perasa baharu bagi produk Goodday Milk iaitu Goodday Honey dan Goodday Green Tea.

Hamzah dalam masa sama turut menekankan kepentingan bagi organisasi swasta dan kerajaan untuk bekerjasama mening-

katkan ekonomi.

Katanya, mengambil contoh pengembangan Etika, syarikat tersebut menghasilkan produk berkualiti tinggi penggunaan tempatan serta turut membantu meningkatkan perniagaan eksport mereka yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dan peluang pekerjaan yang lebih baik.

"Hasil daripada lawatan ke kilang tenusu Etika, saya dapati terdapat banyak kerja yang dilakukan oleh saintis tempatan untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi untuk kegunaan tempatan dan antarabangsa.

"Ini bukan sahaja dapat membantu dari segi peningkatan pengeluaran, tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Etika turut

mengumumkan kerjasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bagi membekalkan pek Goodday Milk kepada pelajar sekolah dalam tempoh beberapa minggu akan datang dalam usaha mempromosikan kepentingan kesihatan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak di seluruh negara.

Sebagai satu daripada syarikat minuman halal terkenal di Malaysia, Etika turut terlibat dalam pembuatan, penjualan, pemasaran dan pengedaran jenama minuman terkemuka global dan serantau termasuk Goodday Milk, Pepsi, Revive Isotonic, Tropicana, Lipton Ice Tea, Mountain Dew dan Wonda Coffee.



HAMZAH ZAINUDIN menunjukkan susu Goodday Milk keluaran Etika.

HAMZAH ZAINUDIN menerima cenderamata daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Etika, S. Erwin (kanan) sambil diperhatikan oleh Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah selepas perasmian kilang baharu Goodday Milk di Klang, baru-baru ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia